

Pencapaian setiap kakitangan adalah kebanggaan UMS

UB 08.10.2022 P.08

KOTAKINABALU: Pencapaian kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam semua peringkat merupakan satu kebanggaan kepada universiti.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Rasid Mail berkata, setiap pencapaian yang dihasilkan secara tidak langsung menjadi ukuran kepada pencapaian keseluruhan organisasi.

"Kecemerlangan merupakan hasil kerjasama setiap individu dalam sesebuah organisasi.

"Setiap sumbangan dan usaha individu walau sekecil manapun itulah nanti yang menghasilkan kecemerla-

ngan yang lebih hebat iaitu kecemerlangan organisasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Aspirasi Fakulti Kejuruteraan (MAF) yang berlangsung di salah sebuah hotel di sini, baru-baru ini.

Sehubungan itu, Rasid turut mengajak seluruh warga universiti bersama-sama mendoakan agar keharmonian dan persefahaman yang telah terjalin sesama warga terus kukuh dan subur.

"Saya mendoakan agar FKJ sentiasa komited dan mengelakkan budaya kerja cemerlang."

"Inilah nanti yang akan membawa martabat fakulti



KENANGAN: Para penerima anugerah dan warga FKJ mengambil gambar kenangan bersama Rasid dan Ismail.

ke tingkat lebih tinggi dan mengharumkan nama UMS," katanya.

Hadir sama, Dekan FKJ,

Prof. Madya Dr. Ismail Saad; Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Prof. Madya Dr. Hanafi

Ahmad Hijazi; Pengarah Pusat Pengurusan Inovasi Dan Pengkomersialan, Prof. Madya Dr. Jidon @ Adrian

Janaun; dan Timbalan-timbalan Dekan FKJ.

Terdahulu, Ismail dalam ucapannya berkata, MAF 2022 diadakan untuk memberi penghargaan kepada staf yang telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam pelbagai disiplin yang ditetapkan oleh pengurusan fakulti.

"Penghargaan ini merupakan pengiktirafan kepada kakitangan Fakulti Kejuruteraan yang telah memberi perkhidmatan cemerlang sepanjang tahun 2021.

"Selain itu, kita juga meraikan kakitangan yang telah menerima penghargaan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Jasa

Bakti dan Anugerah Jasa Setia daripada universiti," katanya.

Pada majlis itu sebanyak 61 kakitangan telah menerima penghargaan dan anugerah merangkumi kategori Pentadbiran dan Bahagian Sains dan Teknikal; Hal Ehwal Pelajar dan Alumni; Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa; Penghargaan Penyelidikan dan Inovasi; dan kategori Anugerah Khas Fakulti Kejuruteraan Tahun 2021.

Program yang julung kali ini diadakan itu turut dihadiri Kelab Institut Jurutera Elektrik dan Elektronik (IEEE) UMS, serta pelajar pascasiswazah dan alumni FKJ.